

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HGM 235 – Geografi Penduduk dan Sumber Manusia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. Setiap soalan memberikan 25 markah.

1. Bincangkan perubahan struktur umur penduduk di negara membangun sejak tahun 1950-an hingga kini dan jelaskan kenapa berlaku perubahan tersebut.
2. Hurai dan jelaskan mengapa negara-negara miskin di Asia dan Afrika mempunyai tahap kesuburan yang tinggi dan apakah langkah-langkah yang dapat diambil bagi mengatasi keadaan tersebut.
3. Bincangkan bagaimana kemajuan yang dicapai dalam revolusi perindustrian telah menyumbang kepada mortaliti menurun di Eropah sejak kurun ke-17 hingga sekarang.
4. Bincangkan strategi pembangunan sumber manusia di Malaysia ATAU di negara lain di Asia.
5. Pembangunan sosio-ekonomi dan program perancangan keluarga yang aktif adalah gabungan strategi yang terbaik dan berkesan bagi mengawal kesuburan. Bincangkan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.

6. Huraikan peranan tokoh-tokoh ini dalam bidang pengajian Geografi Penduduk dari aspek sumbangannya terhadap pencetusan dan pembangunan bidang ini:
  - [a] Thomas Robert Malthus.
  - [b] Trewartha F.N.
  - [c] Abdul Rahman Ibn Khaldun.
  - [d] Everett S. Lee.
  - [e] Ravenstein.
7. Apakah itu Teori Peralihan Demografi. Dalam konteks negara Malaysia, ulaskan perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam peringkat atau fasa pertama Teori peralihan Demografi dengan peringkat terakhir teori tersebut. Gunakan bukti-bukti yang kukuh.
8. Todaro menekankan bahawa pemangkin kepada penghijrahan manusia adalah faktor ekonomi. Namun pengkaji-pengkaji lain seperti Everett S. Lee, De Jong dan Fawcett, Maxwell, dan Ravenstein mengemukakan faktor-faktor lain. Berdasarkan teori-teori penghijrahan yang anda pelajari, huraikan sebab-sebab kenapa manusia sentiasa berhijrah.

--oo000oo--